

Orang Melayu perlu bangkit

■ MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM - Tujuh amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi melonjakkan martabat orang Melayu pada Perhimpunan Perpaduan Melayu bertepatan dengan perkembangan semasa kaum tersebut.

Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong berkata, sebagai pemimpin Melayu, Najib dilihat tidak mahu kaum itu ketinggalan dari sudut pendidikan dan ekonomi berbanding bangsa lain.

"Apa yang diucapkan beliau (Najib) lahir daripada kesedarannya sebagai seorang pemimpin yang mahu satu lonjakan dilakukan oleh orang Melayu di negara ini. Sebagai seorang rakyat Malaysia bergelar Melayu, mereka perlu menyahut seruan ini dan kembali di landasan sebenar," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Kelmarin, Najib menggariskan tujuh amanat utama yang perlu dipertahankan orang Melayu untuk terus kekal hebat, bermaruah dan berkat.

Amanat itu, termasuk keperluan melatih orang

Melayu menjadi bangsa berpengetahuan dan mengukuhkan ekonomi mereka selain menyentuh keperluan memperjuangkan kepentingan agama Islam dan syariahnya; mempertahankan institusi Raja Melayu dan keistimewaan orang Melayu; menegakkan maqasid syariah dengan bersikap sederhana; menjaga nilai murni dan menjaga institusi keluarga.

Kok Seong berkata, tidak dinafikan berlaku perpecahan antara orang Melayu disebabkan oleh perbezaan fahaman politik.

"Sepatutnya perbezaan ini tidak mempengaruhi perpaduan dan kesejahteraan orang Melayu sendiri," jelasnya.

Katanya, perbezaan fahaman politik turut memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi orang Melayu.

"Sebagai contoh pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) sebenarnya merupakan satu inisiatif kerajaan meningkatkan taraf ekonomi, namun disebabkan wujud pihak yang memolitikkannya, maka GST dilihat sebagai satu sistem yang menindas rakyat.

"Sifat hasad dengki dan mengkhianati perlu diketepikan sebaliknya mewujudkan satu komuniti yang saling bantu-membantu dan bekerjasama mencapai kejayaan," katanya.

Beliau berkata, orang Melayu perlu bangkit memperkukuhkan kedudukan mereka sebagai kaum yang dominan.

"Kehebatan sesebuah bangsa itu dinilai dari segi pendidikan, kemajuan ekonomi dan moralnya. Jadi Melayu perlu membuktikan mereka sebagai sebuah bangsa ulung," katanya.



TEO KOK SEONG